



TEKS UCAPAN

**YB DATUK SERI SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL
MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA**

SEMPENA

**MAJLIS PELANCARAN YAYASAN FOOD BANK MALAYSIA DAN
MALAM ASPRESIASI BERSAMA PENYUMBANG**

PADA

20 SEPTEMBER 2019 (JUMAAT)

TEMPAT

**HOTEL EQUATORIAL PENANG,
BAYAN LEPAS, PULAU PINANG**

SALUTASI

YAB Dato Seri Dr Wan Azizah Dr Wan Ismail

Timbalan Perdana Menteri

YAB Tuan Chow Kon Yeow

Ketua Menteri Pulau Pinang

YBhg Datuk Muez bin Abd Aziz

Ketua Setiausaha,

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna

Assalamualaikum W.B.T dan Salam sejahtera,

1. Saya ingin memulakan ucapan saya pada malam ini dengan mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada YAB Dato' Seri Dr Wan Azizah Dr Wan Ismail, Timbalan Perdana Menteri kerana sudi hadir ke Majlis Pelancaran Yayasan Food Bank Malaysia Dan Malam Apresiasi Bersama Penyumbang ini. Saya juga berterima kasih kepada YAB Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang kerana sudi bersama kita di majlis ini.

2. Saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada semua petugas dari Yayasan Food Bank Malaysia, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna serta rakan-rakan strategik yang telah sama-sama melakukan segala persiapan untuk menjayakan majlis malam ini.

3. Saya ingin memulakan ucapan saya dengan mengimbas kembali satu konsep yang telah dikemukakan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri. Konsep ini dinamakan "Doktrin Fajr" dan telah dikemukakan oleh beliau dalam satu ucapannya pada tahun lalu. Doktrin Fajr mengetengahkan idea bahawa pembangunan masyarakat memerlukan gandingan tiga pihak iaitu kerajaan, sektor swasta dan watak-watak bukan kerajaan (*non-state actors*).

4. Teori ekonomi klasikal memumpukan perhatian kepada bagaimana masyarakat mengurus sumber-sumber yang terbatas. Idea utama yang diutarakan penulis-penulis ekonomi klasikal ialah bahawa cara terbaik mengurus sumber ialah dengan memberi ruang kepada kuasa pasaran.

5. Peranan kerajaan ialah mengawal selia serta memberi sokongan kepada kuasa-kuasa pasaran. Interaksi di antara permintaan dan bekalan dilihat sebagai cara terbaik menentukan harga serta mengagihkan sumber-sumber dalam masyarakat.

6. Pandangan ini melihat bahawa dua institusi utama iaitu kerajaan dan sektor swasta perlu bekerjasama untuk memastikan pertumbuhan ekonomi negara. Andaian di sebalik pandangan ini ialah gandingan ini merupakan gandingan terbaik dalam menyelesaikan masalah-masalah masyarakat.

7. Namun kajian mendiang Professor Elinor Ostrom mendapati kerajaan dan swasta tidak semestinya merupakan institusi-institusi yang sentiasa berkesan dalam mengurus sumber-sumber masyarakat. Kerajaan sering dikekang kerena birokrasi dan adakalanya tidak pantas bertindak. Sektor swasta pula didorong oleh motif keuntungan. Namun, terdapat banyak masalah dalam masyarakat hari ini yang tidak menjanjikan keuntungan kepada sektor swasta. Mendiang Professor Ostrom mendapati watak-watak bukan kerajaan (*non-state actors*) lebih cekap dalam mengurus sumber-sumber yang dikongsi bersama masyarakat.

8. Kajian mendiang Professor Ostrom begitu penting sehinggakan beliau diberi anugerah Nobel Prize in Economics pada tahun 2009. Beliau merupakan wanita pertama yang memenangi anugerah ini. Kajian beliau menunjukkan bahawa peranan watak-watak bukan kerajaan (*non-state actors*) perlu dimanfaatkan dan digemblengkan dalam merancang pembangunan negara.

9. Doktrin Fajr yang diutarakan YAB Timbalan Perdana Menteri membayangkan bahawa gabungan ketiga-ketiga institusi ini, iaitu, kerajaan, sektor swasta dan watak-watak bukan kerajaan adalah kritikal dalam mencorakkan masa depan Malaysia.

10. Organisasi-organisasi yang merupakan watak-watak bukan kerajaan atau *non-state actors* termasuklah NGO-NGO, persatuan-persatuan penduduk, usahaniaga sosial atau *social enterprise*. Dalam masyarakat demokratik, organisasi-organisasi ini merupakan manifestasi pemberdayaan atau *empowerment* rakyat dalam masyarakat kita. Rakyat bergabung dan menggandingkan usaha untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi.

11. Idea dalam Doktrin Fajr penting dalam memahami peranan inisiatif Food Bank. Sebenarnya, inisiatif-inisiatif Food Bank telah wujud sejak sebelum PRU ke 14 lagi. Kini kerajaan, khususnya KPDNHEP bertindak untuk menyokong dan mengukuhkan lagi usaha ini. Kementerian telah menubuhkan Yayasan Food Bank Malaysia untuk menyelaraskan program-program Food Bank bersama rakan strategik supaya inisiatif ini dapat berkembang dengan lebih baik dan efisien.

12. Kejayaan usaha Food Bank bergantung kepada sumbangan sektor swasta memberi lebih makanan kepada organisasi-organisasi Food Bank. Rakan-rakan strategik Yayasan Food Bank Malaysia yang terdiri dari Food Aid Foundation, Mutiara Food Bank, Kechara dan Lost Food adalah watak-watak bukan kerajaan yang merupakan wadah pemberdayaan rakyat dalam mendukung usaha ini dan melengkapkan gandingan tiga segi yang dibayangkan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri dalam Doktrin Fajr.

13. Tonggak kepada pemberdayaan rakyat adalah kehendak dan hasrat rakyat sendiri. Kita percaya bila rakyat memilih untuk menukar kerajaan mereka didorong kehendak melihat sesuatu yang lebih baik. Al Quran menyebut bahawa sifat asal manusia ialah *ahsanul taqwim* atau sebaik-baik ciptaan. Manusia dicipta dengan naluri inginkan kebaikan.

14. Kita tidak nafikan ada yang cenderung mencetuskan permusuhan dan pertelagahan dalam masyarakat. Kita ingin melakukan sebaliknya. Al Quran mengajar kita:

وَلَا تَسْتَوِي الْحَسَنَةُ وَلَا السَّيِّئَةُ ادْفَعْ بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ
فَإِذَا الَّذِي بَيْنَكَ وَبَيْنَهُ عَدَاوَةٌ كَأَنَّهُ وَلِيٌّ حَمِيمٌ ﴿٣٤﴾

“Dan tidaklah sama (kesannya dan hukumnya) perbuatan yang baik dan perbuatan yang jahat. Tolaklah (kejahatan yang ditujukan kepadamu) dengan cara yang lebih baik; apabila engkau berlaku demikian maka orang yang menaruh rasa permusuhan terhadapmu, dengan serta merta akan menjadi seolah-olah seorang sahabat karib.” (Surah Fussilat: 34)

15. Kita ingin menyubur dan mengembangkan lagi kebaikan selari dengan sifat naluri *ahsanul taqwim* manusia dan seperti yang dianjurkan dalam ayat tadi. Kita ingin menjadikan inisiatif Food Bank ini satu usaha yang dipacu sifat pemurah kita serta keinginan melihat dan melakukan kebaikan. Kita yakin para hadirin sekalian sama-sama mendokong hasrat ini.

16. Berbuat baik sepatutnya kita utamakan dari bersengketa dan mencetuskan permusuhan. Tabiat saling tolong-menolong akan memupuk keamatan dan keakraban. Kita mahukan sikap saling tolong-menolong menjadi ikatan yang mengukuhkan masyarakat Malaysia.

17. Pemikir Yunani, Socrates, turut mengingatkan kita, *“Rahsia dalam menjayakan perubahan ialah kita tidak menumpukan tenaga kita menentang yang lama. Sebaliknya, kita menumpukan tenaga kepada membina yang baru.”* Kita berharap inisiatif Food Bank ini akan menjadi instrumen yang akan memberdayakan rakyat dalam membina Malaysia Baru yang lebih baik.

18. Sifat tolong-menolong adalah satu amalan yang dianjurkan semua agama. Nabi Muhammad s.a.w. bersabda:

مَنْ يَسَّرَ عَلَى مُعْسِرٍ يَسَّرَ اللَّهُ عَلَيْهِ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ

“Barangsiapa meringgankan kesusahan golongan yg dibeban kesukaran, Allah akan meringgankan baginya di dunia dan akhirat.” (HR Muslim)

Kung Fu Tze telah berpesan mengenai nilai membantu sesama manusia dalam kata-katanya:

“Jika kamu inginkan kebahagiaan selama setahun, warisilah harta. Jika kamu inginkan kebahagiaan yang abadi, bantulah orang lain.”

Menolong orang lain adalah satu amalan yang tidak mungkin akan merugikan kita. Gautama Buddha menyebut:

“Seribu lilin boleh dinyalakan dengan menggunakan sebatang lilin. Namun hayat sebatang lilin ini tidak pula menjadi pendek (kerana menyalakan lilin-lilin lain).”

19. Sebagaimana yang disebut penulis Dr. Bakri Musa, kita mahukan kemajuan yang kita kecapai menjadi ibarat air pasang yang mengangkat naik paras kapal-kapal besar dan juga sampan-sampan kecil di pelabuhan. Kita tidak mahu ada yang tercicir dan ketinggalan. Kita mahukan generasi yang akan datang tidak dikekang kemiskinan keluarga mereka ketika ini.

20. Saya kira kita boleh merumuskan bahawa kejayaan inisiatif Food Bank sebagai suatu inisiatif yang didirikan di atas 5 tonggak:

a. Rahmah:

Usaha kita dalam inisiatif Food Bank ini didorong oleh keprihatinan kita, sifat pemurah dan keinginan saling membantu sesama manusia. Ini timbul dari komitmen kita bahawa semua manusia adalah bersaudara.

b. Kesukarelawanan dan pemberdayaan rakyat:

Inisiatif ini digerakkan oleh rakyat sendiri di atas kesedaran mereka dan komitmen mereka. Ia telah dimulakan oleh rakyat dan ia memanfaatkan rakyat.

c. Kerjasama:

Kejayaan inisiatif ini bergantung kepada jalinan kerjasama di antara kerajaan, sektor swasta serta watak-watak bukan kerajaan. Peranan kerajaan serta sektor swasta adalah menyokong serta menyumbang kepada usaha ini.

d. Kemakmuran bersama:

Kita mahukan pencapaian dan kemakmuran yang kita capai dikongsi bersama. Inisiatif Food Bank berperanan sebagai mekanisma pengagihan semula atau “redistributive mechanism” untuk membantu mereka yang menghadapi kekangan.

e. Pembaziran sifar:

Kita berharap inisiatif ini akan dapat membantu kita mengurangkan pembaziran dan membolehkan kita mencapai matlamat pembaziran sifar.

21. Saya berharap agar program Food Bank Siswa ini akan dapat memupuk sifat prihatin di kalangan lebih ramai mahasiswa. Kita sangat berharap ia akan dapat mencetuskan aktivisma di kalangan mahasiswa.

22. Kita merancang untuk mengembangkan lagi program Food Bank Siswa ke institusi-institusi pengajian swasta dalam masa terdekat. Dengan ini, usaha Food Bank ini dapat berperanan sebagai “*rallying point*” dalam menyatukan kita dan menggerakkan para mahasiswa mengatasi masalah yang kita hadapi.

23. Inisiatif Food Bank ini tidak harus dilihat sebagai tongkat untuk memapahkan rakyat dan memupuk sikap suka bergantung kepada kerajaan. Sebaliknya, kita berharap ia akan dapat memberi kelegaan kepada mereka yang dihipit kemiskinan. Semoga dengan usaha ini kita dapat membantu mahasiswa yang memerlukan supaya mereka dapat menumpukan usaha sepenuhnya kepada pelajaran.

24. Saya sangat berbangga dengan kesungguhan yang ditunjuk oleh syarikat-syarikat swasta serta individu-individu yang telah memberi sumbangan dan sokongan kepada inisiatif Food Bank ini. Komitmen dan kesungguhan yang mereka berikan sungguh mengagumkan. Ini mengingatkan saya kata-kata Kung Fu Tze,

“Bila anda berusaha menolong orang lain, biarlah ia pada tahap kesungguhan sepertimana ketika anda berusaha untuk diri anda”.

Kita dapat melihat kesungguhan ini pada semua penyumbang dan juga sukarelawan yang menggerakkan usaha Food Bank ini. Terima kasih kepada saudara-saudari semua. *Tsie tsie, nanri, tuhāḍā dhanavāda, merci dan arigato gozaimasu.*

PENUTUP

25. Akhir sekali, saya berharap inisiatif Food Bank ini dapat menjadi satu mekanisma rekayasa sosial (*social engineering*) yang akan mengubah tabiat kita sebagai rakyat Malaysia. Selain dari mengurangkan pembaziran dan memberi bantuan makanan, ia juga dapat mengeratkan lagi kita dan menjadikan kita sebuah masyarakat yang prihatin.

26. Melalui inisiatif Food Bank ini kerajaan, sektor swasta dan watak-watak bukan kerajaan dapat sama-sama berganding membina masa depan yang lebih baik seperti yang diolah YAB Timbalan Perdana Menteri dalam Doktrin Fajr. Saya ingin menutup ucapan saya dengan serangkap pantun.

*Dengan budi kita berusaha
Sama berganding kita membina
Jika bertelagah kita merana
Kebahagiaan tidak tercapai jua*

Sekian, terima kasih.

*Wabillahi taufiq walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi
wabarakatu.*